

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini premis makanan yang telah ditarik balik lesen halal sehingga kini.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia(JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa membuat pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan kepada pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), sama ada pemeriksaan berdasarkan pemantauan berkala atau aduan awam. Bermula dari Januari hingga April 2016, sebanyak 366 pemeriksaan telah dibuat oleh JAKIM dan JAIN/MAIN. Daripada jumlah

tersebut terdapat 1 premis dapur hotel yang telah ditarik balik kerana tidak mematuhi standard halal yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum keputusan menarikbalik Sijil Pengesahan Halal Malaysia dibuat, JAKIM/JAIN akan berpandukan **Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2041** bagi kategori kesalahan berikut:

1. **Kecil** iaitu kesalahan yang melibatkan kebersihan peralatan, pekerja dan persekitaran premis. JAKIM/JAIN akan memberikan peringatan supaya membetulkan laporan ketidakakuratan (*Non Compliance Report (NCR)*) dalam tempoh 14 hari.
2. **Besar** iaitu kesalahan yang melibatkan pengisytiharan palsu dan perubahan maklumat tanpa maklum kepada JAKIM/JAIN. Bagi kesalahan ini, JAKIM/JAIN akan menggantung Sijil Pengesahan Halal Malaysia dan akan memberikan tempoh tertentu untuk syarikat membuat tindakan pembetulan. Sijil Pengesahan Halal Malaysia akan dipulangkan semula jika Panel Pengesahan Halal JAKIM/JAIN berpuashati segala tindakan pembetulan dilakukan.
3. **Serius** iaitu kesalahan yang melibatkan hukum syarak seperti percampuran bahan haram, bersentuhan peralatan dan penyimpanan dengan bahan haram. JAKIM/JAIN akan menarikbalik Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

Sekian, terima kasih.